

Kerja keras martabatkan UMS

► Saranannya kepada semua warga UMS walau di mana saja bertugas

LABUAN: Semua warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) seharusnya bertekad untuk memartabatkan universiti di mana juga mereka bekerja.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof Madya Dr Ismail Ali berkata, semua pegawai dan kakitangan sokongan perlu bekerja bersungguh-sungguh menaikkan nama dan imej universiti dalam pelbagai bidang.

Beliau yang juga mantan Pengarah Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) berharap komitmen dan kesungguhan mereka itu selaras dengan

hasrat Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah yang mahu warganya melaksanakan tugas yang telah diamanahkan.

“Tidak kira sama ada kita bertugas di Kota Kinabalu, Labuan maupun Sandakan, semua pegawai dan kakitangan sokongan wajar menjalankan tugas yang diamanahkan dengan penuh tanggungjawab,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perpisahan dan penghargaan di Bilik Sri Menanti, UMS Kampus Antarabangsa Labuan, kelmarin.

Ismail dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor Hal

Ehwal Pelajar dan Alumni UMS yang baru berkuatkuasa selama tiga tahun bermula 16 Ogos 2014 sehingga 15 Ogos 2017.

Beliau menggantikan Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur yang memegang jawatan itu selama lima tahun sebelum tamat 15 Ogos lalu.

Berkhidmat sebagai Penolong Pendaftar di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) pada awal kariernya di UMS, beliau merupakan seorang anak jati dari Kampung Durian Tunjung, Wilayah Persekutuan Labuan yang cukup rajin dan kental dalam meningkatkan tahap pencapaian diri.

Pada 2000, beliau menamatkan Ijazah Sarjana dalam bidang Sejarah Peradaban Maritim dari Universiti Malaya (UM), sebelum memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang sama pada 2004.

Beliau kemudiannya berkhidmat sebagai pensyarah pada 2005 sebelum dilantik sebagai Ketua Program Sejarah, Sekolah Sains Sosial selepas tiga tahun.

Ismail dilantik sebagai Timbalan Pengarah Pusat Ko-kurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) pada 2009 sebelum menyandang jawatan Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) pada 2010.

Selaras dengan memegang jawatan itu, beliau telah dilantik sebagai Pengarah UMSKAL sejak 2012.

Ismail mahu semua

kakitangan UMSKAL membabitkan diri dengan aktiviti kemasyarakatan di Wilayah Persekutuan Labuan terutama dengan pemimpin dan ketua kampung.

Beliau berharap semangat bekerjasama yang diterapkan sejak dua tahun lalu akan diteruskan pada masa akan datang.

Selain itu, beliau mahu semua pegawai dan kakitangan mengekalkan kecerdasan dan menjaga kesihatan dengan bergiat aktif dalam bidang sukan dan rekreasi sekaligus membawa UMSKAL ke mercu kejayaan khususnya Sukan Staf UMS.

“Saya mahu UMSKAL terus menyinar di bawah pentadbiran Pengarah baru Prof Madya Dr Murnizam Halik. Saya yakin dengan komitmen semua pegawai dan kakitangan, UMSKAL akan beroleh kejayaan yang cemerlang dalam pelbagai bidang yang diceburi,” katanya.

Sebagai anak tempatan, beliau turut mempunyai hubungan baik dengan pemimpin masyarakat termasuk Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman Isli dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Datuk Mohd Nadzri Osman selain ketua-ketua jabatan kerajaan dan swasta.

Sementara itu, Timbalan Pendaftar UMSKAL Zamri Mohamad Tuah merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas kesungguhan Ismail yang banyak membawa UMS Mohd Raffie Janau.



ISMAIL (dua kiri) menerima cenderamata daripada Dr Ag Asri (dua kanan) sambil diperhatikan dari kiri Mohd Rafie, Syed Nasirin dan Zamri (kanan) pada majlis perpisahan di UMS Labuan.

perubahan khususnya pembangunan fizikal dan kerjaya kakitangan.

“Kita telah bersama-sama mengharungi cabaran dan dugaan bersama Dr Ismail selama dua tahun yang seharusnya meningkatkan semangat bekerja dalam satu pasukan,” katanya.

Turut hadir Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) Prof Madya Dr Syed Nasirin Zainal Abidin, Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik Prof Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim dan Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS Mohd Raffie Janau.



PEMAIN UMSKAL bergambar kenangan dengan Ismail (belakang, kiri) dalam perlawanan bola sepak di Labuan.



ISMAIL (kiri) bersama Mohd Harun sentiasa menangani masalah yang dihadapi pelajar universiti.



HUBUNGAN baik terjalin antara kakitangan UMSKAL dengan Ismail (duduk tengah).



KONTINJEN UMSKAL meraih kejayaan dalam Sukan Staf UMS selama dua tahun bersama Ismail (tengah, memegang trofi).